

1983
TEMERLOH, 2 MEI (BERNAMA) -- SEMUA ANGGOTA UMNO PERLU MEMATUHI PERLEMBAGAAN PARTI DAN JANGAN MENGANGGAP DEMOKRASI YANG DIAMBILKAN BERERTI MEREKA BERHAK BERTANDING DALAM SEBARANG JAWATAN PARTI TANPA MENGIRA PERASAAN ORANG LAIN SERTA KESANNYA KEPADA UMNO. TEGAS DATUK SERI DR. MAHATHIR HARI INI.

PERDANA MENTERI MENINGATKAN MEREKA PATUT MENGAKUI SERTA MEMAHAMI TRADISI CARA-CARA PERLEMBAGAAN UMNO DIJALANKAN DAN TIDAK SEMATA-MATA MENGIKUT KEHENDAK DAN KEPENTINGAN SENDIRI.

BELIAU YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA DEMOKRASI BERMAKNA SEMUA ANGGOTA UMNO HENDAKLAH MENGHORMATI SUARA DAN PENDAPAT RAMAI KERANA KEHENDAK MAJORITI YANG MENENTUKAN SESUATU PERTUBUHAN ITU HIDUP KUAT.

"JIKA SESEORANG ITU MERUPAKAN SUARA MINORITI MAKA IA PATUT MENGHAPUSKAN PENDAPATNYA DAN MENGIKUT KEHENDAK MAJORITI KERANA KALAU TIDAK PARTI AKAN HANCUR," TAMBAH BELIAU SEMASA MERASMIKAN MESYUARAT KE-31 PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN TEMERLOH DI DEWAN MAJLIS DAERAH DI SINI.

"SUDAH TENTU DEMOKRASI ITU MEMBERI PELUANG KEPADA ANGGOTA UMNO MENYUARAKAN PANDANGAN MEREKA TETAPI DEMOKRASI ITU JUGA TERBATAS KERANA JIKA TIDAK IA TIDAK AKAN MENDATANG APA-APA FAEDAH KEPADA ANGGOTANYA." -- LAGI 1347/MB

ZCZC B521

MAHATHIR - PERLEMBAGAAN 2 TEMERLUH

"MALANGNYA ADA ORANG YANG MENGANGAP PERLEMBAGAAN PARTI YANG MENGUTAMAKAN DEMOKRASI BERERTI MEREKA BERHAK MENYERTAI SEBARANG PERTANDINGAN TANPA MENGIRA PERASAAN ORANG LAIN DAN KESANNYA KEPADA PARTI," TEGAS BELIAU.

HARI INI MERUPAKAN KALI KEDUA DALAM MASA DUA MINGGU DATUK SERI DR. MAHATHIR MANYAMPAIKAN AMANAT TENTANG PERLUNYA ANGGOTA UMNO MEMPERTAHANKAN TRADISI PARTI DAN SABAR MENUNGGU GILIRAN UNTUK NAIK AGAR PERPADUAN UMNO DAPAT TERUS DIKEKALKAN.

SEMASA BERUCAP DI KUALA KERAI PADA 16 APRIL LALU, BELIAU JUGA MENYENTUH TEMA YANG SAMA DENGAN MENEGASKAN DALAM SEMUA KEGIATAN PARTI TERMASUK PEMILIHAN PUCUK PIMPINAN DI PERINGKAT ATASAN ATAU BAHAGIAN, TRADISI YANG MENJADI AMALAN UMNO PERLU DIPERTAHANKAN.

BERUCAP KEPADA KIRA-KIRA 2,000 ORANG ANGGOTA DAN PENYOKONG UMNO DI SINI HARI INI PULA, BELIAU JUGA MENEKANKAN AGAR PEMIMPIN UMNO SEDAR BAHAWA KUASA YANG ADA PADA MEREKA UNTUK MEMERINTAH NEGARA TIDAK BERMAKNA MEREKA BOLEH BERBUAT APA SAHAJA TANPA MENGIRA PENDAPAT ORANG LAIN SERTA TRADISI UMNO.

"SAYA MEMBUAT KENYATAAN INI BUKAN KERANA INGIN MEMPERTAHANKAN KEDUDUKAN SAYA ATAU BESIAPA TAPI DEMI MASA DEPAN UMNO," TEGASNYA DENGAN SAMBUTAN TEPUKAN GEMURUH PARA PERWAKILAN. -- LAGI 1400/MB

ZCZC B522

MAHATHIR - PERLEMBAGAAN 3 TEMERLOH

BELIAU KEMUDIAN MENGULANGI KENYATAANNYA SEMASA BERUCAP DI KUBANG PASU SEMALAM BAHAWA BELIAU TIDAK BERNIAT UNTUK MENJADI PRESIDEN UMNO SEUMUR HIDUP DAN AKAN BERUNDUR APABILA TIDAK DIKEHENDAKI LAGI.

BELIAU BERHARAP SEMUA PEMIMPIN UMNO JUGA TAHU MASANYA BILA MEREKA SEPATUT MELEPASKAN JAWATAN SETELAH MEREKA TIDAK DIPERLUKAN TANPA DIPAKSA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PENERUSI PERHUBUNGAN UMNO PAHANG BERKATA "DI PAHANG PERNAH TERJADI TIDAK BEBERAPA LAMA DULU, ADA PIHAK YANG BERHEMPAS PULAS DAN BERTUNGKUS LUMUS UNTUK MENGEKALKAN KEDUDUKAN MEREKA.

"BUKAN ITU SAHAJA, IA JUGA MENGGUNAKAN KUASA LAIN UNTUK KEDUDUKAN MEREKA DI SAMPING MENGELUARKAN BERIBU DUIT POKET...INI SUDAH TENTU TIDAK UNTUK KEBAIKAN UMNO."

BELIAU BERHARAP MEREKA YANG TIDAK DIPERLUKAN TIDAK PULA MERAJUK KERANA "PERNAH SAYA DENGAR ADA YANG LEPAS TARIK DIRI, MERAJUK MASUK RUMAH DAN KUNCI BILIK TERUS MERAJUK.

"SAYA KADANG-KADANG HENDAK JUGA MERAJUK TETAPI NAMPAK ADA SOKONGAN TERUSKAN JUGA SUMBANGAN SAYA SUNGGUHPUN SAYA KECIWA," BELIAU BERSELOROH DISAMBUS DENGAN GELAK KETAWA PARA HADIRIN. -- LAGI

MAHATHIR - PERLEMBAGAAN 4 TEMERLOH

OLEH DEMIKIAN, BELIAU MENEGASKAN ADALAH PERLU BAGI SEMUA ANGGOTA UMNO MEMAHAMI TAFSIRAN SEBENARNYA PERLEMBAGAAN PARTI KERANA ADANYA PERLEMBAGAAN ATAU UNDANG-UNDANG TIDAK MENJAMIN SESUATU PERTUBUHAN ITU BOLEH MENCAPAI KEJAYAAN TANPA MEMAHAMI CARA-CARA IANYA DILAKSANAKAN.

PERDANA MENTERI MENAMBAH BANYAKNYA JUMLAH UNDANG-UNDANG DAN PERLEMBAGAAN BELUM DAPAT MENJAMIN MALAYSIA MENJADI AMAN DAMAI KERANA BANYAK NEGARA YANG MEMPUNYAI PERLEMBAGAAN YANG LEBIH BAIK TETAPI TIDAK BERJAYA KERANA TIDAK BERKEBOLEHAN MENJALANKAN PERLEMBAGAAN ITU.

"SEMUA NEGARA BERBANGGA DENGAN DEMOKRASINYA DAN ADA PULA NEGARA-NEGARA YANG DIKENALI SEBAGAI DEMOKRATIK REPUBLIK ATAU PARTI SOSIAL DEMOKRATIK TETAPI MEREKA TIDAK LANGSUNG DEMOKRATIK BAHKAN TIDAK MENGAMALKAN APA YANG DIKATAKAN."

KATANYA UMNO PATUT BERBANGGA KERANA TIDAK SESIAPA YANG TIDAK MENGATAKAN PERJUANGANNYA BERJAYA KERANA ANGGOTA TAHU MENGGUNAKAN KUASA YANG ADA.

DATU SERI DR. MAHATHIR YAKIN JIKA SEMUA ORANG ISLAM KHASNYA MEMAHAMI FALSAFAH PERLEMBAGAAN SUDAH TENTU MEREKA BERJAYA TETAPI MALANGNYA UMAT ISLAM GAGAL KERANA ADA DI KALANGAN MEREKA MEMBUAT TAFSIRAN MENGIKUT KEHENDAK SENDIRI. -- LAGI 1405/II

MAHATHIR - PERLEMBAGAAN 5 TEMERLOH

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENASIHATKAN SEMUA ANGGOTA PARTI TERUTAMA ANGGOTA JAWATANKUASA PERHUBUNGAN UMNO NEGERI MENGGEMBELINGKAN TENAGA UNTUK PERPADUAN PARTI TANPA MENGIRA SAMA ADA "MEREKA ORANG BARU ATAU LAMA ATAU BERJAWATAN RENDAH ATAU TINGGI DALAM PARTI."

"SAYA INGIN TEGASKAN DI SINI ANGGOTA UMNO YANG ADA IJAZAH BERJELAJELA DARI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SEPERTI SARJANA ATAU DOKTOR FALSAFAH SUPAYA TINGGALKAN IJAZAH MEREKA DI RUMAH TETAPI BERGIAT SAMA UNTUK MENENTUKAN KEJAYAAN UMNO."

TURUT HADIR DI UPACARA ITU, IALAH MENTERI BESAR, DATUK NAJIB TUN RAZAK YANG JUGA TIMBALAN PENERUSI PERHUBUNGAN UMNO NEGERI, MENTERI LUAR TAN SRI GHAZALI SHAFIE DAN TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, ENCIK SABARUDDIN CHIK YANG JUGA KETUA UMNO BAHAGIAN TEMERLOH. -- BERNAMA 1328/II